



13 JUL, 2023

MIFB sasar transaksi RM1.4 bilion

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

MIFB sasar transaksi RM1.4 bilion

KUALA LUMPUR – Pameran Perdagangan Makanan dan Minuman Antarabangsa Malaysia (MIFB) 2023 menyasarkan transaksi perdagangan bernilai AS\$300 juta (RM1.4 bilion) sepanjang tiga hari pameran yang telah bermula semalam di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Constellar Exhibition Malaysia Sdn. Bhd., Chua Wee Phong selaku penganjur berkata, MIFB kali ke-22 pada tahun ini berjaya menarik 430 pempamer dari 60 negara.

"Pameran kali ini yang menentang tema Memacu Kelestarian dan Keterjaminan Makanan ASEAN telah berjaya menarik minat ramai komuniti perdagangan untuk mendapatkan bekalan pelbagai jenis produk makanan dari serata dunia.

"Selain pameran perdagangan, kami turut menganjurkan sesi perkongsian yang menampilkan pakar dan peneraju industri yang memfokuskan kepada isu terkini termasuk keselamatan



CHAN FOONG HIN (tiga dari kanan) dan **Chua Wee Phong** (tiga dari kiri) pada majlis perasmian MIFB di Kuala Lumpur semalam.

makanan dan sisa sifar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar bersempena perasmian MIFB 2023 yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin.

Pameran tersebut disasarkan mampu menarik seramai 20,000 pengunjung perdagangan.

Sementara itu, Foong Hin berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kini menerajui kajian untuk penubuhan sebuah agensi khas bagi meningkatkan keterjaminan makanan.

"Sekarang isu keterjaminan makanan dikongsi merentas pelbagai kementerian termasuk kami yang memfokuskan kepada soal pengeluaran bagi memastikan bekalan mencukupi, manakala Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup tertumpu kepada harga.

"Kajian sedang dilakukan mengenai mekanisme dan operasi berhubung cadangan penubuhan agensi baharu ini," ujarnya.



13 JUL, 2023

MIFB sasar transaksi RM1.4 bilion

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Pameran Perdagangan Makanan dan Minuman Antarabangsa Malaysia (MIFB) 2023 menasarkankan transaksi perdagangan bernilai AS\$300juta (RM1.4 bilion) sepanjang tiga hari pameran yang telah bermula semalam di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Constellar Exhibition Malaysia Sdn. Bhd., Chua Wee Phong selaku penganjur berkata, MIFB kali ke-22 pada tahun ini berjaya menarik 430 pempamer dari 60 negara.